

Pemimpin pelajar KUTKM jamin tumpu tingkatkan ilmu

Archival News | Utusan Malaysia | 04/01/2002

Caption:

1. Mohd. Rahshidi, Rahim Selamat, Ng Gim Hee, Elyanie Nor Salim

MELAKA 3 Jan. — Calon-calon yang memenangi pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) sesi 20012001 memberi jaminan untuk memberi lebih tumpuan kepada usaha meningkatkan pengetahuan sebagai pelajar dan membina imej kolej tersebut.

Pilihan raya julung kali diadakan oleh kolej yang baru beroperasi tahun lalu itu turut membayangkan keazaman calon-calon tersebut untuk mematuhi peraturan ditetapkan oleh KUTKM untuk manfaat masing-masing.

Seorang daripada empat pemenang kerusi umum (keseluruhan), Mohd. Rahshidi Zakaria, 21, yang mendapat undi paling banyak (343 undi) berkata, harapannya ialah untuk melihat kesemua pelajar berganding bahu bagi meneruskan perjuangan sebagai pelajar.

``Apa yang penting, kesemua calon, menang atau sebaliknya perlu kembali bersatu untuk memikul harapan sebagai pelajar bagi meningkatkan imej KUTKM, '' katanya yang berasal dari Jitra, Kedah selepas keputusan pilihan raya itu diumumkan di sini hari ini.

Rakannya, Noraisah Kamarudin, 21, dari Kuala Rompin, Pahang, yang juga memenangi kerusi umum berkata, pelajar seharusnya mempunyai tanggungjawab untuk memajukan diri dan kolej berkenaan.

``Kemenangan saya ialah kerana sokongan rakan-rakan, inilah contohnya bahawa kerjasama amat perlu bagi kita dan perlu diteruskan sepanjang masa di kolej ini (KUTKM), '' tambahnya.

Rahim Selamat, 33, dari Jasin, di sini pula berkata, pemilihannya untuk kerusi umum disifatkan sebagai tanggungjawab cukup bermakna untuk membimbing pelajar.

``Sebagai calon paling senior, saya adalah abang yang perlu memberi contoh baik kepada pelajar baik dari semua segi, '' katanya.

Pemenang kerusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Ng Gim Hee, 22, dari Pulau Pinang berkata, kemenangan tersebut akan menguatkan azamnya untuk memupuk semangat harmoni di kalangan pelajar kolej berkenaan.

``Menerusi kemenangan ini, saya akan cuba untuk memberi tumpuan untuk menjalin hubungan lebih erat di antara kesemua kaum di KUTKM, '' katanya.

Elyanie Nor Salim, 21, dari Pahang yang memenangi kerusi Fakulti

Kejuruteraan Elektrik berkata, dia tidak akan melupakan sokongan yang diberikan oleh rakan-rakan pelajar yang mendorong kemenangannya.

``Rakan-rakan memberikan sokongan dan saya tidak akan lupakan mereka dengan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin selepas diberi mandat dalam pilihan raya ini,'' katanya.

(Source : Utusan Malaysia)